



Untuk Terbitan Media

15 Mei 2024

SIARAN MEDIA

INSIDEN KRU KAPAL WARGA MALAYSIA DITEMUI MAUT DI PERAIRAN BANGLADESH ALERT: WARIS KELUARGA LAYAK TERIMA FAEDAH PERKESO

KUALA LUMPUR – Waris keluarga kepada mayat kru kapal warga Malaysia yang ditemui maut di perairan Bangladesh pada 10 Mei lalu layak menerima Faedah daripada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Menurut Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, hasil semakan PERKESO mendapati, kru kapal MTT Sapangar adalah pencarum aktif bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4) sejak 2011 dan berikutan itu ibu bapa kepada Allahyarham Muhammad Isa bin Muhammad Veeramohan layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) dan Faedah Orang Tanggungan (FOT) berikutan Allahyarham belum berkahwin.

"Muhammad Isa, 31 tahun meninggal dunia selepas terjatuh di laut dari kapal semasa memasang *pilot ladder* di Pelabuhan Chittagong, Bangladesh pada 8 Mei lalu serta mayatnya ditemui terapung sekitar perairan Bangladesh pada 10 Mei oleh pasukan penyelamat sekali gus melayakkan waris keluarga beliau menerima Faedah menerusi Skim Bencana Pekerjaan.

"Ibu bapanya, Muhammad Veeramohan bin Abdullah, 72 tahun dan Rabiah binti Buang, 61 tahun menerima FPM sebanyak RM2000.00 secara sekali bayar serta akan menerima FOT bulanan berjumlah RM1,417.32 untuk sepanjang hayat mereka.

"Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) dan PERKESO turut menzahirkan penghargaan kepada Kesatuan Kebangsaan Pelaut-Pelaut Malaysia (NUSPM) yang banyak membantu dalam proses pengumpulan maklumat berkenaan kemalangan

terbabit dan berharap bantuan yang diberikan mampu membantu waris keluarga meneruskan kehidupan selepas ketiadaan Allahyarham," jelas beliau lagi.

Skuad PERKESO Prihatin hadir ke kediaman waris di Kampung Raja Uda, Pelabuhan Klang dalam Ziarah Prihatin untuk menyerahkan bayaran FPM dan penyerahan Kotak Prihatin.

Tamat

###

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Ia merangkumi kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*leaves no one behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 293 MYFutureJobs One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

15 Mei 2024

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Mohd Wazid Zaidon

+6017-619 3181

wazid.zaidon@perkeso.gov.my